

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kanak-kanak positif COVID-19 meningkat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun menunjukkan peningkatan ketara apabila 50,826 orang disahkan positif virus itu bermula sejak awal Januari sehingga pertengahan bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan jangkitan lebih ketara dalam bulan ini terutama bagi kategori dua hingga kategori lima.

"Bagi kategori satu, Iia membabitkan 15,817 kes atau 31.12 peratus; kategori dua 34,857 kes (68.58 peratus); kategori tiga 120 kes (0.24 peratus); kategori empat 28 kes (0.006 peratus) dan kategori lima hanya empat kes

(0.001 peratus).

"Peningkatan jangkitan mungkin disebabkan penularan varian Omicron serta peningkatan pergerakan kanak-kanak dalam komuniti susulan pembukaan semula sesi persekolahan, pusat jagaan kanak-kanak dan bayi, lalu menyebabkan risiko pendudukan kanak-kanak kepada jangkitan COVID-19," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, meskipun gejala jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak kebiasaannya kurang serius berbanding dewasa, namun terdapat juga kes memerlukan rawatan di hospital dan sebilangannya memerlukan rawatan intensif di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Nasional 7

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Penerima dos penggalak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Axiata Arena, Bukit Jalil, semalam. (Foto BERNAMA)

Kematian, jangkitan akibat tak ambil vaksin meningkat

Orang ramai diminta segera dapatkan suntikan dos penggalak

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Berlaku trend peningkatan kematian dan jangkitan bagi mereka yang tidak menerima suntikan vaksin COVID-19 dalam tempoh dua bulan kebelakangan ini, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Data yang dikongsi Khairy menunjukkan, kematian dan jangkitan bagi per 100,000 populasi penduduk yang menerima vak-

sin penuh, tetapi tidak menerima suntikan dos penggalak meningkat dari segi kematian dan jangkitan dalam tempoh 1 Januari hingga kelmarin.

Malah, jumlah kematian dan jangkitan bagi individu tidak divaksin juga jauh meninggalkan individu yang divaksin dan sudah mengambil dos penggalak.

Segenap kumpulan umur dewasa dan remaja berusia 12 tahun ke atas mencatat peningkatan kematian bagi kategori yang tidak menerima dos penggalak dengan kumpulan berusia 80 tahun ke atas mencatat 140 kematian per 100,000 penduduk.

Begitu juga, kumpulan usia 70 hingga 79 tahun dengan lebih 40:100,000-kematian dan kumpulan 60 hingga 69 tahun hampir 20:100,000 kematian.

Dalam jangkitan kes pula, ia

(jangkitan) hampir menyamai individu yang tidak divaksin bagi kumpulan berusia 80 tahun ke atas, iaitu 120:100,00 kes. Begitu juga kumpulan 70 hingga 79 tahun, lebih 80:100,00 kes.

Sehubungan itu, Khairy meminta orang ramai supaya mendapatkan suntikan dos penggalak dengan segera kerana ia berkesan untuk menghadapi gelombang varian Omicron.

"Keberkesanan booster (dos penggalak) menghadapi gelombang Omicron.

"Ia memberikan perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius COVID-19.

"Berhenti membaca cerita konspirasi sampah di FB (Facebook).

"Lindungi diri. Dapatkan dos penggalak," katanya di laman Twitturnya semalam.

Pastikan kit ujian sendiri beli dalam talian dilulus MDA

Kuala Terengganu: Pengguna terutama mereka yang mahu melakukan pembelian secara dalam talian perlu memastikan peralatan kesihatan atau perubatan yang dibeli mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata langkah itu bagi mengelak pengguna ditipu dengan produk palsu yang boleh membahayakan keselamatan dan kesihatan mereka.

Beliau berkata, semua peralatan dan barangan kesihatan atau perubatan yang dijual di pasaran sepatutnya mendapat kelulusan MDA.

"Baru-baru ini, tular video memaparkan keputusan kit ujian sendiri COVID-19 yang positif hanya dengan menggunakan air paip.

"Setakat ini, kita tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung perkara itu, namun siasatan terperinci sedang dijalankan.

"Kita sedang siasat sama ada kit ujian itu dibeli di premis atau dalam talian dan ia mengambil tempoh kerana kita tidak tahu di mana kejadian itu berlaku.

"Ini yang kita bimbang jika

pembelian dalam talian yang dijual murah dan tiada kelulusan MDA, jadi kita nasihatkan pengguna sebelum beli pastikan ada cop MDA," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Kampung Batu Hampar, Manir di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, Rosol memberi jaminan bekalan kit ujian pantas (RTK) Antigen COVID-19 mencukupi di seluruh negara, termasuk di negeri rekodkan kes positif tinggi.

"Setakat ini, terdapat kira-kira 18 juta unit kit ujian untuk menampung keperluan rakyat dan tidak timbul isu kekurangan bekalan RTK di pasaran kerana pemeriksaan yang dijalankan mendapati ia mencukupi.

"Kerajaan menetapkan harga borong dan runcit maksimum RTK masing-masing RM16 dan RM19.90, namun pemeriksaan mendapati ada yang menjualnya lebih murah daripada itu.

"Apabila ia dijual pada harga murah di sesetengah premis, bekalan memang cepat habis, namun (bekalan) kit ujian itu ada di kedai atau farmasi di kawasan sekitarnya," katanya.



Rosol (kanan) pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Kampung Batu Hampar, Kuala Terengganu, kelmarin. (Foto Ghazali Kori/BH)

Kes positif baharu catat angka tertinggi 28,825

Putrajaya: Kes positif COVID-19 di negara ini sekali lagi mencatatkan angka tertinggi apabila 28,825 kes baharu dilaporkan kelmarin.

Peningkatan jumlah kes baharu itu menyumbang kepada 3,194,848 kes positif di Malaysia setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dalam satu kenyataan media, berkata daripada jumlah itu 28,734 kes adalah penularan tem-

patan membabitkan 28,071 warganegara dan 663 bukan warganegara.

Katanya, sebanyak 91 kes import terdiri 47 rakyat negara ini, manakala 44 lagi warga asing.

"Sejumlah besar kes yang dilaporkan semalam (kelmarin) terdiri kategori satu dan dua iaitu sebanyak 28,730, manakala 95 kes pula kategori tiga, empat dan lima.

"Daripada 95 kes membabitkan kategori tiga, empat dan lima

yang dilaporkan, 28 kes atau 29.47 peratus tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi.

"Sebanyak 49 kes atau 51.58 peratus sudah menerima dua dos vaksin, 18 kes atau 18.95 peratus menerima dos penggalak, 41 kes atau 43.16 peratus pesakit berusia 60 tahun dan ke atas, 48 kes atau 50.53 peratus pesakit mempunyai komorbid dan tiada kes membabitkan ibu hamil dilaporkan," katanya semalam.

Mengenai data kematian, Dr

Noor Hisham berkata, sebanyak sembilan kes atau 0.03 peratus daripada keseluruhan 28,825 kes meninggal dunia akibat virus itu, termasuk empat kes kematian di luar fasiliti kesihatan.

"Kementerian Kesihatan (KKM) turut melaporkan 238 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dan 130 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Ketika ini, sebanyak 243,342 kes positif masih lagi aktif de-

ngan 230,491 kes menjalani isolasi di rumah, pesakit dirawat di PKRC (5,414) dan menerima rawatan di hospital (7,199)," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 12 kluster baharu jangkitan COVID-19 dikesan kelmarin, menyumbang kepada sejumlah 6,704 kluster.

"Sehingga semalam (kelmarin), 6,212 kluster sudah ditamatkan dan 492 masih lagi aktif," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Penggunaan katil ICU di tiga negeri melebihi 50 peratus

Kapasiti fasiliti kesihatan di hospital awam masih mampu tampung kes

Oleh Rafidah Mat Ruzki
 fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Tiga negeri menunjukkan penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) bagi pesakit COVID-19 melebihi 50 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Johor kini sudah menggunakan 70 peratus iaitu 32 daripada 46 katil wad ICU yang diperuntukkan untuk pesakit COVID-19.

Beliau berkata, di Kuala Lumpur sebanyak 64 peratus iaitu 14

daripada 22 katil, manakala 50 peratus iaitu 18 daripada 36 katil di Kelantan.

"Kementerian Kesihatan (KKM) juga melaporkan peningkatan penggunaan fasiliti kesihatan membabitkan pesakit COVID-19 di katil bukan ICU dan ICU.

"Bilangan pesakit di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) pula menunjukkan penurunan, berbanding semalam (kelmarin)," katanya dalam kenyataan media semalam.

Katanya, bagi katil bukan ICU pula, 10 negeri menunjukkan penggunaan lebih 50 peratus iaitu Selangor yang kini menggunakan 95 peratus diikuti Kelantan (93 peratus), Putrajaya (92 peratus), Perlis (90 peratus), Sabah (82 peratus), Johor (82 peratus), Kuala Lumpur (72 peratus), Perak (70 peratus), Pahang (55 peratus) dan Pulau Pinang (50 peratus).


Selain itu, lapan negeri iaitu Selangor (83 peratus), Terengganu (59 peratus), Sabah (58 per-

atus), Perak (58 peratus), Melaka (53 peratus), Negeri Sembilan (51 peratus), Perlis (51 peratus) dan Kelantan (51 peratus) menunjukkan peratusan pengisian lebih 50 peratus.

"Pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) meningkat kepada 130 pesakit dan peratusan penggunaan ventilator kini pada paras 37 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, secara keseluruhan kapasiti fasiliti kesihatan di hospital awam masih boleh menampung kes COVID-19 dan bukan COVID-19.

"Setiap negeri juga sudah ber-



Johor kini sudah menggunakan 70 peratus iaitu 32 daripada 46 katil wad ICU yang diperuntukkan untuk pesakit COVID-19. (Foto hiasan)

siap siaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya didapati kapasiti fasiliti semakin penuh," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata terdapat perbezaan antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital, berbanding kes COVID-19 kategori satu hingga lima yang baharu didiagnosis setiap hari.

Katanya, ia berikutan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau

bertambah baik sepanjang dijangkiti virus itu.

"Misalnya ketika didiagnosis, mungkin pesakit itu berada pada kategori dua dan diisolasi di rumah menggunakan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan (HSO) digital, namun status kesihatan beliau merosot ke kategori tiga lalu memerlukan kemasukan ke hospital.

"Pada masa sama, terdapat kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital secara *pre-emptive*," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 1,521 kes COVID-19 dimasukkan ke hospital kelmarin dan daripada jumlah itu, 548 kes atau 36.0 peratus adalah kategori tiga, empat dan lima, manakala 973 kes atau 64.0 peratus kategori satu dan dua.

➤ Setiap negeri juga sudah bersiap siaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya didapati kapasiti fasiliti semakin penuh

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Pemberian vaksin kepada kanak-kanak tepat pada masa

Dari Muka 1

Antara gejala yang sering dialami oleh kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19 adalah batuk dan selesema berterusan melebihi seminggu, bernafas laju, kurang aktif, kurang selera makan, demam yang berterusan dan muntah atau cirit birit.

"Dalam keadaan yang lebih serius, kanak-kanak boleh mengalami sakit dada atau sakit perut, kurang tahap kesedaran, dan juga sawan.

"Multi System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) adalah salah satu keadaan kritikal yang boleh berlaku akibat jangkitan COVID-19 di mana terjadinya keradangan organ dalaman, terutama jantung, paru-paru dan otak," katanya.

Katanya, bermula Jun 2020 hingga Disember tahun lalu, 174 kes kanak-kanak bawah 18 tahun mengalami MIS-C akibat jangkitan COVID-19 dengan bawah usia setahun membabitkan 25 kes, setahun hingga bawah

lima tahun (38 kes), lima tahun hingga bawah sembilan tahun (64 kes), sembilan hingga bawah 12 tahun (36 kes), manakala lebih 12 tahun (11 kes).

"Sehingga kini, tujuh kematian kanak-kanak disebabkan oleh MIS-C susulan jangkitan COVID-19 dilaporkan.

"Kanak-kanak juga berisiko mendapat Long-COVID iaitu sindrom COVID-19 selepas fasa akut jangkitan.

"Data terhad yang diperoleh setakat ini menunjukkan risiko ini adalah lebih rendah berbanding orang dewasa, namun buat masa ini tidak banyak yang diketahui mengenai kesan jangka masa panjang COVID-19 kepada kanak-kanak.

"Kumpulan kanak-kanak yang berisiko tinggi untuk mengalami jangkitan COVID-19 yang serius adalah golongan pesakit kanak-kanak yang mempunyai penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung, lemah sistem imun badan, kencing manis, sedang menjalani rawatan

menggunakan steroid (seperti pesakit autoimun dan transplantasi, kanser, asma dan obesiti)," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, antara kaedah utama bagi mengurangkan risiko itu adalah dengan kawalan sendiri dan juga vaksinasi, malah vaksin COVID-19 Comirnaty® (Pfizer-BioNTech) sudah diluluskan penggunaannya untuk kanak-kanak berusia lima sehingga 11 tahun di Malaysia.

"Dari kajian klinikal, keberkesanan vaksin ini adalah sebanyak 91 peratus serta berupaya untuk meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap penyakit COVID-19, sekali gus mengurangkan risiko penyakit COVID-19 yang serius," katanya.

Sehubungan itu, Dr Noor Hisham berkata, pemberian vaksin kepada golongan kanak-kanak yang berusia lima hingga 11 tahun ini adalah tepat pada masanya untuk melindungi kumpulan ini, khususnya kanak-kanak yang mempunyai komorbid.

KANAK-KANAK DIJANGKITI COVID-19 PERLU DIVAKSIN ELAK KERADANGAN ORGAN

- Berikutan risiko mengidap Muli System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C)
- Ia keadaan kritikal yang boleh berlaku apabila terjadinya keradangan organ dalaman seperti jantung, paru-paru & otak
- Antara kaedah utama kurangkan risiko adalah kawalan sendiri & vaksinasi

Bagi kanak-kanak 5-11 tahun di Malaysia

Dengan keberkesanan 91%

Berupaya mengurangkan risiko akibat jangkitan COVID-19

50,826 kanak-kanak telah menerima vaksin COVID-19 di Malaysia

TEPATNYA 174 KES KANAK-KANAK BAWAH 18 TAHUN ALAMI MIS-C AKIBAT JANGKITAN COVID-19 DARI JUN 2020 - DIS 2021

Darjah usia	Kes
1-4 tahun	38 kes
5-9 tahun	64 kes
9-11 tahun	36 kes
12 tahun ke atas	11 kes

➤ Sehingga kini, 7 kes (4% kematian) dilaporkan

Ini termasuk mereka yang berisiko:

- Paru-paru kronik
- Asma
- Obesiti
- Lemah sistem imun badan
- Sedang menjalani rawatan gigitan gigitan
- Kencing manis
- Kanser

"Kanak-kanak golongan usia lima hingga 11 tahun perlu diberi dua dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak terkesan secara langsung akibat pandemik COVID-19 yang meng-

ganggu kehidupan keluarga serta aspek sosial mereka.

"Aspek persekolahan dan pendidikan juga terkesan dan pandemik yang berlarutan ini memberi kesan yang tidak sihat kepada perkembangan psikologi dan sosial mereka," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Negara kurang pakar rawat penagih dadah sintetik

PENGASIH syor pusat rawatan di setiap daerah tangani masalah lebih berkesan.

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara masih kekurangan doktor yang mengkhusus dalam rawatan ketagihan narkotik, terutama dadah sintetik.

Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) menjelaskan isu itu mengakibatkan pengguna dadah sintetik seperti syabu dan pil kuda tidak diberi rawatan awal yang berkesan.

Pada masa sama, Presiden PENGASIH, Ramli Abd Samad, juga mencadangkan penubuhan pusat rawatan pengguna dadah sintetik di setiap daerah kerana masalah berkenaan berlaku di seluruh negara.

Katanya, penagihan dadah sintetik sangat serius kerana bekalan syabu dan pil kuda mudah didapati dan dibeli, terutama secara dalam talian.

"Klinik memang banyak, tetapi

tiada doktor pakar dalam hal ini. Kita tidak mahu mereka yang terbabit ditangkap dan dikurung saja, sebaliknya diberi rawatan awal.

"Penggunaan dadah sintetik berada pada tahap membimbangkan di seluruh dunia, termasuk Malaysia.

"Kita harap diperbanyak lagi pusat rawatan itu bagi menangani masalah berbangkit," katanya semalam.

Ramli berkata, kira-kira 95 peratus daripada 250 penghuni di enam pusat rawatan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) ialah pengguna dadah sintetik.

Katanya, penggunaan bahan terlarang berkenaan merosakkan sel otak dan mengganggu kestabilan mental sehingga mengakibatkan penagih terbabit jenayah kekerasan, termasuk pem-

bunuhan seperti yang berlaku baru-baru ini.

"Kesan dadah itu ada yang bersifat kekal dan sementara. Ada yang berhalusinasi sehingga nampak ibu bapa seperti singa dan naga.

"Otak bercelaru menyebabkan kerosakan mental dan tindakan tidak waras. Itu yang berlaku kejadian tidak diingini," katanya.

Rabu lalu, seorang wanita ditemukan mati dengan leher putus dipercayai dibunuh oleh anak tirinya menggunakan parang di Kampung Dalam Senduk, Jerék di Gua Musang.

Suspek berusia 39 tahun yang juga pesakit mental dan penagih dadah tampil ke balai polis menyerahkan diri selepas kejadian.

Sementara itu, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Tuan Sutekno Ahmad

Belon, berkata pihaknya mengambil pendekatan menyantuni keluarga dalam usaha mencegah penyalahgunaan dadah sintetik.

Katanya, usaha yang digerakkan bulan ini hingga Julai selaras sambutan Hari Antidadah Kebangsaan ke-38 pada 19 Februari lalu, bertemakan 'Lebih Baik Cegah'.

"Kita tumpukan kepada institusi keluarga. Sebagai contoh, kita pergi ke kawasan perkelahan dan memberi maklumat serta kesedaran mengenai penyalahgunaan dadah sintetik.

"Selain itu, kita masih bergerak kempen sedia ada seperti program kesedaran. Kakitangan AADK pergi ke sekolah dan mendekati warga belia. Perkara ini kita laksanakan di seluruh negara," katanya.

Ditanya kajian dadah sintetik, Tuan Sutekno berkata, pelbagai pihak termasuk Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) sudah berbuat demikian.

"Pihak terbabit mengkaji kesan mengambil dadah itu. Ada yang akan bertindak agresif selepas menghisap bahan terlarang berkenaan.

"Tidak kurang ada yang muring, selain menyebabkan individu berkaitan koma dan meninggal dunia," katanya.

Klinik memang banyak tetapi tiada doktor pakar dalam hal ini. Kita tidak mahu mereka yang terbabit ditangkap dan dikurung saja, sebaliknya diberi rawatan awal.

Ramli Abd Samad,
Presiden PENGASIH



15 ingkar larangan merokok dikompaun

Putrajaya: Sebanyak 15 notis kesalahan dengan nilai kompaun RM3,750 dikeluarkan ke atas individu yang dikenal pasti merokok di premis makanan dalam Operasi Bersepadu di sekitar Putrajaya, di sini, malam kelmarin.

Operasi bermula jam 8 malam itu membabitkan Kementerian Kesihatan (KKM) bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya serta Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit KKM, Datuk Dr Norhayati Rusli, berkata sebanyak 25 premis makanan di sekitar Bazaar 8, Ayer@8, Presint 8, Presint 9 dan Presint Diplomatik diperiksa sepanjang operasi itu.

"Hasil pemeriksaan, 15 pelanggan menerima notis kesalahan mengikut Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004. "Bagaimanapun, tiada kom-



Pegawai kesihatan mengeluarkan kompaun kepada individu yang merokok di premis makanan pada operasi di sekitar Presint 8 Putrajaya, malam kelmarin. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

paun dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12 PPKHT 2004.

"Kita lihat semua premis diperiksa mempamerkan tanda la-

arangan merokok," katanya selepas operasi itu.

Dr Norhayati berkata, anggota penguat kuasa turut memberikan nasihat dan mengedarkan

risalah berkaitan kesalahan merokok kepada 205 orang awam.

"Pemilik premis yang gagal mempamerkan tanda larangan merokok dan individu yang didapati merokok di kawasan larangan, termasuk semua tempat makan boleh dikenakan kompaun RM250.

"KKM serius menangani masalah merokok dan akta baharu yang sedang digubal akan dibentangkan tidak lama lagi.

"Ia (akta baharu) turut melarang generasi lahir pada 1 Januari 2005 dan seterusnya, memiliki serta membeli sebarang produk merokok," katanya.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya mematuhi peraturan ditetapkan dan sebarang aduan berkaitan merokok di tempat awam boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp di talian 010-8608949.

Pada 1 Januari 2019, kerajaan mengatkuasakan larangan merokok di kedai makan dan restoran terbuka.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Ingkar 'berasap' dalam kedai

15 pelanggan merokok di premis makanan diberi notis dalam operasi KKM di sekitar Putrajaya

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Putrajaya

Segelintir pengunjung yang merokok di kawasan premis makanan meskipun tanda larangan sudah dipamerkan dikenakan kompaun, kelmarin.

Ada di antara mereka dilihat menghisap rokok tanpa rasa bersalah di meja makan walaupun ada ramai pelanggan lain berada di dalam premis berkenaan.

Akibatnya 15 pelanggan menerima notis kesalahan mengikut Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (PPKHT) 2004 dalam Operasi Bersepadu di sekitar Putrajaya, malam kelmarin.

Operasi bermula jam 8 malam dilakukan Kementerian Kesihatan Mala-



PEGAWAI penguat kuasa mengeluarkan notis kesalahan kepada perokok menerusi Operasi Bersepadu di sekitar Putrajaya, kelmarin.

ysia (KKM) bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya serta Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya.

Pengaruh Bahagian Kawalan Penyakit KKM Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, 25 premis makanan di sekitar Bazar 8, Ayer@8, Presint 8, Presint 9 dan Pre-

sint Diplomatik diperiksa sepanjang operasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan, 15 notis kesalahan mengikut Peraturan 11 PPKHT 2004 di-



keluarkan membabitkan nilai kompaun keseluruhan berjumlah RM3,750.

"Namun tiada kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12 PPKHT 2004. Kita lihat semua premis dilawati ada mempamerkan tanda larangan merokok," katanya dalam sidang media selepas operasi itu, kelmarin.

Selain itu, Dr Norhayati berkata, pihaknya memberi nasihat dan mengedarkan risalah berkaitan kesalahan merokok di tempat awam kepada 205 orang awam.

Bellau berkata, pemilik premis yang gagal mempamerkan tanda larangan merokok dan individu yang didapati merokok di kawasan larangan termasuk tempat makan boleh dikenakan



“Tiada kompaun dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12 PPKHT 2004. Kita lihat semua premis dilawati ada mempamerkan tanda larangan merokok”

Dr Norhayati

kompaun RM250.

"KKM serius menangani masalah merokok dan akta baharu yang sedang digubal akan dibentangkan tidak lama lagi. Akta baharu itu turut melarang generasi lahir pada 1 Januari 2005 dan seterusnya memiliki serta membeli sebarang produk merokok," katanya.

Pada 1 Januari 2019, kerajaan menguatkuasakan larangan merokok di kedai makan dan restoran terbuka.



Kuala Terengganu: Pengguna terutama yang melakukan pembelian secara atas talian perlu memastikan peralatan kesihatan atau perubatan yang dibeli mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, ia bagi mengelak mereka daripada ditipu dengan produk palsu yang boleh membahayakan keselamatan dan kesihatan mereka.

Menurutnya, semua peralatan dan barangan kesihatan atau perubatan yang dijual di pasaran sepatutnya mendapat kelulusan MDA.

Pastikan alat kesihatan diperakui MDA

"Baru-baru ini, ada video tular memaparkan keputusan kit ujian sendiri Covid-19 yang positif hanya menggunakan air paip dan setakat ini, kita tidak menerima aduan rasmi berhubung perkara itu namun siasatan terperinci sedang dijalankan.

"Kita sedang siasat sama ada kit ujian dibeli di premis atau secara atas talian tetapi ambil masa kerana kita tidak tahu di mana kejadian itu berlaku.

"Ini yang kita bimbang terutama kalau pembelian secara atas talian yang dijual dengan harga murah

dan tiada kelulusan MDA, jadi kita nasihatkan kepada pengguna sebelum beli barang-barang kesihatan pastikan ada cop MDA," katanya.

Bellau berkata demikian ketika ditemui se-

lepas Program Ujulan Keluarga Malaysia (PJKM) di Kampung Batu Hampar, Manir di sini, kelmarin.

Sementara itu, Rosol berkata, kerajaan memberi jaminan bekalan Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen Co-

vid-19 mencukupi di seluruh negara termasuk di negeri yang merokokan kes positif yang tinggi.

Katanya, ada 18 juta unit kit ujian untuk menampung keperluan rakyat dan tidak timbul isu kekurangan bekalan RTK di pasaran kerana pemeriksaan dijalankan mendapati ia mencukupi.

"Kita sentiasa pantau keberadaan RTK ini di pasaran dan bekalan memang ada cuma kita nampak (bekalan) RTK ini kurang di tempat yang menjual de-

ngan harga murah.


"Kerajaan menetapkan harga borong dan runcit maksimum

RTK ini masing-masing pada RM16.00 dan RM19.90 namun pemeriksaan kita mendapati

ada yang menjual lebih murah daripada itu.

"Apabila ia dijual dengan harga murah di sesetengah premis, bekalan itu memang cepat habis namun bekalan kit ujian itu ada di kedai atau farmasi di kawasan sekitarnya," katanya.

“Sebelum beli barang-barang kesihatan pastikan ada cop MDA”
Rosol



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

A maran awal apabila tiga negeri mencatatkan penggunaan katil kes kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU) lebih 50 peratus membabitkan pesakit Covid-19.

Difahamkan kapasiti penggunaan katil di Johor kini berada pada paras 70 peratus iaitu 32 daripada 46 katil diperuntukkan untuk pesakit Covid-19.

Ita diikuti Kuala Lumpur pada paras penggunaan 64 peratus (14 daripada 22 katil) dan 50 peratus (18 daripada 36 katil) di Kelantan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga melaporkan peningkatan penggunaan fasiliti kesihatan membabitkan pesakit Covid-19 di katil bukan ICU dan ICU.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bilangan pesakit di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) pula menunjukkan penurunan berbanding

Kita perlu lebih berawas

Penggunaan katil kes kritikal atau ICU bagi pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus

ding kelmarin.

Beliau berkata, bagi katil bukan ICU pula, 10 negeri menunjukkan penggunaan lebih 50 peratus iaitu Selangor kini berada pada paras 95 peratus, diikuti Kelantan pada 93 peratus; Putrajaya (92 peratus); Perlis (90 peratus); Sabah (82 peratus); Johor (82 peratus); Kuala Lumpur (72 peratus); Perak (70 peratus); Pahang (55 peratus) dan Pulau Pinang (50 peratus).

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) meningkat kepada 130 pesakit dan peratusan penggunaan pernafasan

ventilator kini pada paras 37 peratus," katanya, semalam.

Beliau berkata, secara keseluruhan, setakat ini kapasiti fasiliti kesihatan di hospital awam masih boleh menampung kes Covid-19 dan bukan Covid-19.

Namun beliau berkata, setiap negeri sudah bersiap siaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya didapati kapasiti fasiliti semakin penuh.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham, berkata, terdapat perbezaan antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes Covid-19 kategori 1

sehingga 5 yang baharu didiagnosis setiap hari.

Beliau berkata, ia berikutan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19.

"Misalnya semasa didiagnosis, mungkin pesakit itu berada pada kategori 2A dan diisolasi di rumah menggunakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) digital namun status kesihatan beliau merosot ke kategori 3 lalu memerlukan kemasukan ke hospital.

"Pada masa sama, ada kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital secara *pre-emptive*," katanya.

Bilangan pesakit di PKRC menunjukkan penurunan berbanding kelmarin



Sambung kerja macam biasa

Kuala Lumpur: "Saya akan teruskan kerja-kerja kebiasaan biarpun baru pulih dari Covid-19.

"Ia tidak menghalang saya dari terus bekerja, membantu seramai mungkin orang susah, Covid-19 beri saya masa rehat sekejap, tetapi sekarang, sambung (kerja) macam biasa," kata aktivis masyarakat, Kuan Chee Heng atau lebih mesra dipanggil Uncle Kentang.

Dia yang baru pulih selepas positif tahap 4a, 7 Februari lalu berkata, wabak berkenaan bukan satu penyakit main-main, ia benar dan dia sendiri sudah merasakannya.

Katanya, dua anaknya ju-

ga dikesan positif dua hari selepas dia dijangkiti namun mereka juga sudah pulih seperti biasa.

"Kesannya memang terasa. Berwaspadalah dalam urusan seharian, jaga prosedur operasi standard (SOP) dan ambil vaksin.

"Mereka yang mungkin bercakap itu ini, mereka belum dijangkiti. Bila sudah kena, baru tahu," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Kuan berkata, dia kini memberi tumpuan kepada projek Gerai 1 Ringgit yang akan beroperasi di stesen LRT di Puchong untuk membantu orang ramai mendapatkan makanan pada harga murah.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun menunjukkan peningkatan ketara apabila 50,826 orang disahkan positif virus itu bermula awal Januari sehingga pertengahan bulan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seramai 15,817 kes atau 31.12 peratus kanak-kanak disenaraikan sebagai pesakit kategori satu diikuti kategori dua (34,857 kes), kategori tiga (120 kes), kategori empat (28 kes) dan kategori lima (empat kes).

"Pola penggunaan katil harian pesakit Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak bawah 12 tahun di mana ia nyata didapati semakin meningkat seiring dengan kenaikan kes pandemik ini dalam negara.

"Peningkatan dilihat lebih ketara dalam Februari 2022 terutama bagi kategori dua hingga kategori lima," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, ia mungkin disebabkan oleh penularan varian Omicron serta peningkatan pergerakan kanak-kanak dalam komuniti susulan pembukaan semula sesi persekolahan, pusat jagaan kanak-kanak dan bayi lalu menyebabkan risiko pendedahan kepada jangkitan Covid-19.

"Kanak-kanak terkesan

JANGKITAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BAWAH 12 TAHUN MENINGKAT

50,826 positif koronavirus



STAF kesihatan memberikan suntikan vaksin Covid-19 kepada seorang kanak-kanak di Dewan Serbaguna, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Hilliran, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

secara langsung akibat pandemik Covid-19 yang mengganggu kehidupan keluarga serta aspek sosial mereka.

"Aspek persekolahan dan pendidikan juga terkesan dan pandemik yang berlarutan ini memberi kesan

yang tidak sihat kepada perkembangan psikologi dan sosial kanak-kanak.

"Meskipun gejala jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak kebiasaannya kurang serius berbanding dewasa, namun terdapat ju-

ga kes yang memerlukan rawatan di hospital dan sebilangannya memerlukan rawatan intensif di unit rawatan rapi," katanya.

Menurutnya, antara gejala sering dialami oleh kanak-kanak yang dijangkiti

Covid-19 adalah batuk dan selesema berterusan melebihi seminggu, bernafas laju, kurang aktif, kurang selera makan, demam yang berterusan dan muntah atau cirit birit.

"Dalam keadaan yang lebih serius, kanak-kanak boleh mengalami sakit dada atau sakit perut, kurang tahap kesedaran dan juga sawan.

"Multi System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) adalah satu keadaan kritikal yang boleh berlaku akibat jangkitan Covid-19 di mana terjadinya keradangan organ dalam terutama jantung, paru-paru dan otak," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, bermula Jun 2020 hingga Disember tahun lalu, 174 kes kanak-kanak bawah 12 tahun mengalami MIS-C akibat jangkitan Covid-19 direkodkan dengan bawah usia setahun 25 kes, setahun hingga bawah lima tahun (38 kes), lima hingga bawah sembilan tahun (64 kes), sembilan hingga bawah 12 tahun (36 kes) manakala lebih 12 tahun (11 kes).

"Sehingga

kini, tujuh

kemati-

an kan-

nak-

disebabkan MIS-C susulan jangkitan Covid-19 dilaporkan.

"Kanak-kanak juga berisiko mendapat Long-Covid iaitu sindrom Covid-19 selepas fasa akut jangkitan.

"Data terhad yang diperoleh setakat ini menunjukkan risiko itu adalah lebih rendah berbanding orang dewasa namun buat masa ini tidak banyak yang diketahui mengenai kesan jangka masa panjang Long-Covid kepada kanak-kanak.

"Kumpulan kanak-kanak yang berisiko tinggi untuk mengalami jangkitan Covid-19 yang serius adalah golongan pesakit kanak-kanak yang mempunyai penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung, lemah sistem imun

badan, kencing manis, sedang menjalani rawatan menggunakan steroid (seperti pesakit autoimun dan transplant), kanser, asma, serta obesiti," katanya.



DR Noor Hisham

Kes keseluruhan kini 3,194,848 kes

Kuala Lumpur: Negara merekodkan 28,825 kes baharu penularan Covid-19 kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada 3,194,848 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah yang direkodkan itu memabatkan 28,734 kes tempatan dengan 663 kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Beliau berkata, sebanyak 99.67 peratus bersamaan 28,730 kes adalah pesakit dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 70.49 peratus iaitu 20,318 kes adalah dalam kategori dua manakala 8,412 kes (29.18 peratus) adalah pesakit kategori satu.

"Bagi kategori tiga pula terdapat 59 kes (0.20 peratus), manakala kategori empat 22 kes (0.08 peratus)



Terdapat 12 kluster baharu direkodkan menjadikan terdapat 492 kluster yang masih aktif setakat ini"

Dr Noor Hisham Abdullah

dan kategori lima 14 kes (0.05 peratus)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah keseluruhan 95 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 28 kes iaitu 29.47 peratus belum divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelayan berkenaan.

"Selain itu 49 kes sudah menerima dua dos vaksin.

"Sebanyak 18 kes sudah menerima dos penggalak, berusia 60 tahun ke atas (41 kes), mempunyai komorbid (48 kes) dan meninggal du-

nia (9 kes) termasuk empat kes meninggal di luar fasiliti kesihatan (BID)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 12 kluster baharu direkodkan menjadikan terdapat 492 kluster yang masih aktif setakat ini.

"Perkembangan ini secara keseluruhannya menjadikan 6,704 kluster direkodkan di negara ini sejak wabak dikesan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, 238 kes kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU), iaitu 97 daripadanya disahkan dijangkiti Covid-19 dengan 141 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

"Bagi pesakit dalam ICU dan memerlukan alat bantuan pernafasan, sebanyak 130 kes iaitu 57 kes disahkan Covid-19 serta 73 kes lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 18,514 kes sembuh direkodkan kelmarin, sekali gus, menjadikan jumlah keselu-

ruhan kes pulih sepenuhnya daripada virus berkenaan adalah 2,919,196 kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menjelaskan bilangan pesakit Covid-19 katil bukan ICU dan ICU meninggal manakala pesakit di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) menurun berbanding kelmarin.

"Penggunaan katil kes kritikal atau ICU di tiga negeri iaitu Johor (70 peratus), Kuala Lumpur (64 peratus) dan Kelantan (50 peratus) menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus."

"Sementara, bukan ICU di 10 negeri iaitu Selangor (95 peratus), Kelantan (93 peratus), Putrajaya (92 peratus), Perlis (90 peratus), Sabah (82 peratus), Johor (82 peratus), Kuala Lumpur (72 peratus), Perak (70 peratus), Pahang (55 peratus) dan Pulau Pinang (50 peratus) menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus," katanya.

34 kematian lagi dicatat kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 454,194 individu atau 12.8 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, sejumlah 13,924,411 atau 59.2 peratus populasi dewasa di dalam negara pula sudah menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,943,785 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi manakala 23,220,757 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sejumlah 2,798,646 individu atau 89.9 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka ma-

nakala 2,883,444 atau 92.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 151,156 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin memabatkan 72,991 suntikan dos pertama, 648 suntikan dos lengkap dan 77,517 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini meningkat kepada 66,018,432.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 34 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor melaporkan lapan kes, diikuti Sabah dengan tujuh kes, Selangor (lima), Melaka (empat), masing-masing dua kes di Kedah, Negeri Sembilan dan Perak manakala satu kes dicatatkan masing-masing di Kelantan, Pulau Pinang, Sarawak dan Terengganu.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 35
 RUANGAN : AKADEMIA

UMS BANTU BERI DOS PENGGALAK

Aktif semula PPV-IPT sebagai langkah perluaskan pemberian vaksin di Sabah

Oleh Suliati Asri
 suliati@hmetro.com.my

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengaktifkan semula operasi Pusat Pemberian Vaksin Institut Pengajian Tinggi (PPV-IPT) UMS bagi pemberian dos penggalak vaksin Covid-19 sejak 11 Januari lalu sebagai usaha menangani ancaman varian Omicron serta peningkatan kes yang direkodkan di Sabah yang mencecah tiga ke empat ribu setiap hari.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk ChM Ts Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata, sehingga kini sejumlah 1,913 suntikan vaksin dos penggalak jenis Pfizer sudah diberikan, merangkumi 179 dos kepada kakitangan UMS, 1183 dos kepada pelajar UMS serta 550 kepada orang awam di sekitar Kota Kinabalu.

"PPV-IPT UMS beroperasi setiap Isnin hingga Jumaat dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang bagi memberikan 100 dos suntikan vaksin dos penggalak setiap hari kepada orang awam



DR Taufiq bertemu Ketua PPV ketika mengadakan lawatan ke PPV-IPT UMS

berumur 18 tahun ke atas.

"UMS melihat pengambilan dos penggalak ini sangat penting untuk melindungi masyarakat dari kesan penyakit Covid-19 terutama dengan varian Omicron yang semakin menular dalam kalangan komuniti.

"Justeru, pengaktifan semula PPV-IPT UMS ini adalah satu langkah UMS untuk memperluaskan pemberian vaksin kepada masyarakat, sekali gus mengawal penularan

serta mengurangkan peningkatan jumlah kes Covid-19 di negeri ini," katanya.

Menurut Dr Taufiq, adalah amat penting setiap lapisan masyarakat mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 dan dos penggalak bagi meningkatkan daya tahan badan serta memajukan imuniti terhadap penyakit Covid-19.

"Untuk itu, PPV-IPT UMS juga akan menjayakan Program Imunisasi Covid-19

Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) melalui pemberian suntikan vaksin kepada kanak-kanak berumur lima hingga bawah 12 tahun.

"Difahamkan kurang dari 10 peratus daripada 411,400 kanak-kanak yang layak menerima vaksin di negeri ini sudah mendapatkan suntikan vaksin, justeru usaha ini di harap mampu meningkatkan peratusan pengambilan vaksin oleh golongan terbabit," katanya.

Dr Taufiq berkata, melihat kepada statistik



PELAJAR UMS antara penerima suntikan dos penggalak vaksin Covid-19.

yang menunjukkan 604 kes positif membabitkan kanak-kanak bawah 11 tahun daripada 5,082 kes yang dicatatkan di Sabah 16 Februari lalu, amat wajar untuk kanak-kanak mendapatkan vaksin secepat mungkin.

"Bagi kanak-kanak, suntikan dos vaksin jenis Pfizer yang diberikan hanya 0.2 mililiter (ml) iaitu satu pertiga daripada jumlah dos orang dewasa. Oleh itu, diharapkan ibu bapa tidak merisikokan kesihatan anak-anak dengan memberi sokongan terhadap

PICKids.

"Pada masa ini, PPV-IPT UMS masih di peringkat pengumpulan permohonan bagi pemberian suntikan vaksin untuk kanak-kanak dan dijangka mula melaksanakan PICKids pada penghujung Februari ini," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan atau janji temu bagi mendapatkan dos penggalak vaksin Covid-19 jenis Pfizer dan permohonan vaksin untuk kanak-kanak, boleh menghubungi PPV-IPT UMS.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

KKM catat 174 kes golongan bawah 18 tahun hidap radang organ dalaman

7 kanak-kanak maut akibat MIS-C

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sebanyak tujuh kes kematian dicatatkan daripada 174 kes kanak-kanak bawah 18 tahun yang menghidapi *Multi System Inflammatory Syndrome in Children* (MIS-C) akibat jangkitan Covid-19, berdasarkan tempoh antara Jun 2020 sehingga Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, MIS-C merupakan salah satu keadaan kritikal yang boleh berlaku akibat jangkitan Covid-19 iaitu terjadinya keradangan organ dalaman terutamanya jantung, paru-paru dan otak.

Menurutnya, daripada 174 kes tersebut, sebanyak 25 kes atau 14.4 peratus melibatkan kanak-kanak di bawah usia satu tahun, manakala 38 kes atau 21.8 peratus melibatkan kanak-kanak satu tahun hingga bawah lima tahun.

"Seterusnya kanak-kanak usia lima tahun hingga bawah sembilan tahun dengan 64 kes atau 36.8 peratus, kanak-kanak sembilan tahun hingga bawah 12 tahun dengan 36 kes atau 20.7 peratus, manakala 11 kes atau 6.3 peratus



DUA beradik Ngan Qian Le (kiri) dan adiknya, Ngan Qian Yee tenang menunggu giliran untuk menerima vaksin Covid-19 menerusi PICKids di Hospital UCSI, Port Dickson kelmarin. – MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

kanak-kanak bawah usia atau 12 tahun.

"Sehingga kini, tujuh kes (empat peratus) kematian kanak-kanak telah disebabkan oleh MIS-C susulan jangkitan Co-

vid-19. Kanak-kanak juga berisiko mendapat Long-Covid (sindrom Covid-19 selepas fasa akut jangkitan)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bellau berkata, data terhad

yang diperolehi setakat ini menunjukkan risiko ini lebih rendah berbanding orang dewasa, namun buat masa ini tidak banyak yang diketahui mengenai kesan jangka masa panjang Long-Covid

kepada kanak-kanak.

"Kumpulan kanak-kanak yang berisiko tinggi untuk mengalami jangkitan Covid-19 yang serius adalah golongan pesakit kanak-kanak yang mempunyai penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung, lemah sistem imun badan, kencing manis, sedang menjalani rawatan menggunakan steroid (seperti pesakit autoimun dan transplant), kanser, asma dan obesiti.

"Memandangkan kanak-kanak kini merupakan golongan berisiko tinggi untuk dijangkiti Covid-19, antara kaedah utama bagi mengurangkan risiko ini adalah dengan kawalan sendiri dan juga vaksinasi. Vaksin Covid-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) telah pun diluluskan penggunaannya untuk kanak-kanak lima sehingga 11 tahun di Malaysia," ujarnya.

Dr. Noor Hisham menjelaskan, daripada kajian klinikal, keberkesanan vaksin ini adalah sebanyak 91 peratus serta berupaya untuk meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap penyakit Covid-19 dan ini dapat mengurangkan risiko penyakit Covid-19 yang serius.

Kes Covid-19 lepasi angka 28,000

PUTRAJAYA – Negara merekodkan jangkitan Covid-19 tertinggi pernah dicatatkan melepasi angka 28,000 iaitu 28,825 kes kelmarin dengan 95 kes atau 0.33 peratus daripadanya kategori tiga, empat dan lima.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, baki sebanyak 28,730 kes atau 99.67 peratus adalah kategori satu dan dua, manakala jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 mencecah 3,194,848.

Menurutnya, mengikut pecahan, kategori satu sebanyak 8,412 kes (29.18 peratus), kategori dua 20,318 kes (70.49 peratus), kategori tiga 59 kes (0.20 peratus), kategori empat 22 kes (0.08 peratus) dan kategori lima 14 kes (0.05 peratus).

"Daripada 95 kes kategori tiga, empat dan lima, 28 kes (29.47 peratus) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi, 49 kes (51.58 peratus) telah menerima dua dos vaksin, 18 kes (18.95 peratus) telah menerima dos pengalakan dan 41 kes (43.16 peratus) berusia 60 tahun dan ke atas.

"Seterusnya, 48 kes (50.53 peratus) mempunyai komorbid dan tiada kes ibu mengandung. Dilaporkan sembilan kes (0.03 peratus daripada kes semalam)



PETUGAS kesihatan menguruskan jenazah pesakit Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, Shah Alam baru-baru ini. – ZULFADHLI ZAKI

telah meninggal dunia termasuk empat kes (0.013) kes brought-in-dead (BID)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah beliau, sebanyak 18,514 kes sembuh dilaporkan dengan jumlah kumulatif 2,919,196 kes serta 238 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 130 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, beliau berkata, tiga negeri menunjukkan peng-

gunaan katil di wad ICU bagi pesakit Covid-19 melebihi paras 50 peratus.

Katanya, negeri berkenaan ialah Johor yang kini sudah menggunakan 70 peratus iaitu 32 daripada 46 katil wad ICU yang diperuntukkan untuk pesakit Covid-19.

Tambah beliau, di Kuala Lumpur sebanyak 64 peratus iaitu 14 daripada 22 katil, manakala 50 peratus iaitu 18 daripada 36 katil di Kelantan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Potensi terkena keradangan organ

Kanak-kanak dijangkiti Covid-19 perlu divaksin

KUALA LUMPUR

Kanak-kanak bawah 18 tahun yang dijangkiti Covid-19 boleh mengalami *Multi System Inflammatory Syndrome in Children* (MIS-C) iaitu keadaan kritikal yang boleh berlaku apabila terjadi keradangan organ dalam terutama jantung, paru-paru dan otak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sejak Jun 2020 hingga Disember 2021, sebanyak 174 kes kanak-kanak bawah 18 tahun mengalami MIS-C akibat jangkitan Covid-19 dengan mereka yang berusia bawah setahun melibatkan 24 kes, 1 hingga bawah 5 tahun (38 kes), 5 hingga bawah 9 tahun (64 kes), 9 hingga bawah 12 tahun (36 kes) dan 12 tahun ke atas (11 kes).
 "Sehingga kini, tujuh kes (empat peratus) kematian kanak-kanak disebabkan MIS-C susulan jangkitan Covid-19. Kanak-kanak berisiko mendapat Long-Covid (sindrom Covid-19 selepas fasa akut jangkitan)," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, kumpulan kanak-kanak yang berisiko tinggi untuk mengalami jangkitan Covid-19 yang serius ialah pesakit kanak-kanak yang mempunyai penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung, lemah sistem imun



FOTO: BERNAMA

Suntikan vaksin Covid-19 kepada kanak-kanak mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia mampu mengurangi jangkitan.

MEMENPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

badan, kencing manis, sedang menjalani rawatan menggunakan steroid (seperti pesakit autoimun dan transplan), kanser, asma dan obesiti.

Memandangkan kanak-kanak adalah golongan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti Covid-19, beliau berkata, antara kaedah utama bagi mengurangkan risiko berkenaan adalah dengan kawalan sendiri dan vaksinasi.

Dr Noor Hisham menjelaskan, vaksin Covid-19 Comirnaty (Pfizer-BioNTech) telah diluluskan penggunaannya untuk kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di Malaysia dan daripada kajian klinikal, keberkesanannya sebanyak 91 peratus serta berupaya meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap virus Covid-19.

Katanya, ia dapat mengurangkan risiko penyakit Covid-19 yang serius.

"Pemberian vaksin kepada

kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun adalah tepat untuk melindungi mereka khususnya yang mempunyai komorbid.

"Kanak-kanak berumur antara 5 hingga 11 tahun, perlu diberi dua dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama," kata beliau.

Dr Noor Hisham juga memaklumkan, pola penggunaan katil harian pesakit Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak bawah 12 tahun meningkat berikutan kenaikan kes jangkitan virus itu dengan peningkatan dilihat lebih ketara pada Februari 2022.

Katanya, bermula awal Januari hingga pertengahan Februari, bilangan kanak-kanak bawah 12 tahun yang dijangkiti Covid-19 adalah seramai 50,826 orang.

Dr Noor Hisham berkata lagi, daripada jumlah itu, sejumlah 15,817 merupakan kategori satu, 34,857 kategori dua, 120 kes (kategori tiga), 28 kes (kategori empat) dan empat kes (kategori lima). - Bernama

KANAK-KANAK DIJANGKITI COVID-19 PERLU DIVAKSIN ELAK KERADANGAN ORGAN

• Berikutan risiko mengalami *Multi System Inflammatory Syndrome in Children* (MIS-C)
 • Ia keadaan kritikal yang boleh berlaku apabila terjadinya keradangan organ dalam terutama jantung, paru-paru & otak
 • Apabila keadaan organ teradangan risiko adalah kematian kendiri & kekalisasi

PENGALIHAN VAKSIN COVID-19 COMIRNATY (PFIZER-BIONTECH) DILULUSKAN

Dua kanak-kanak 5-11 tahun di Malaysia
 Dengan keberkesanan 91%
 Bermula menghantar kepada semua orang yang terdapat jangkitan COVID-19

50,826 kanak-kanak dijangkiti COVID-19 di bawah 12 tahun di Malaysia (1 Januari hingga 15 Februari 2022)

TERDAPAT 174 KES VAKSIN KANAK-KANAK DI BAWAH 18 TAHUN ALAMI MIS-C AKIBAT JANGKITAN COVID-19 DARI JUN 2020 - DIS 2021

Bawah setahun	24 kes
1 - 4 tahun	38 kes
5 - 8 tahun	64 kes
9 - 11 tahun	36 kes
12 tahun ke atas	11 kes

• Sehingga kini, 7 kes (4%) kematian dilaporkan

Kanak-kanak juga berisiko untuk Long-Covid (sindrom COVID-19 selepas fasa akut jangkitan)

10 kanak-kanak yang berisiko tinggi:

- 1. Penyakit kronik
- 2. Asma
- 3. Lemah sistem imun badan
- 4. Gigitan serangga
- 5. Penyakit jantung
- 6. Penyakit ginjal
- 7. Penyakit paru-paru
- 8. Penyakit hati
- 9. Penyakit darah
- 10. Penyakit tulang

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kit ujian sendiri Covid-19 habis stok?

Bekalan didakwa terjejas sejak jangkitan meningkat selepas Tahun Baharu Cina.

Oleh ENGGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Berlaku kesukaran mendapatkan bekalan kit ujian sendiri Covid-19 di beberapa buah farmasi di Kota Kemuning, Seksyen 32 di sini pada Ahad mendapati bekalan kit ujian tersebut semakin berkurangan sejak beberapa minggu lalu.

Seorang ahli farmasi di Kota Kemuning yang ingin dikenali sebagai Betty Ng berkata, pihaknya kerap membuat penambahan stok kit tersebut sebanyak dua kali seminggu, berbanding sekali dalam tempoh tiga minggu sebelum ini.

Katanya, pelanggan lebih gemar mendapatkan kit ujian sendiri yang memerlukan sampel air liur kerana ia mudah digunakan berbanding jenis calitan dalam hidung.

"Sejak kebelakangan ini, kit ujian sendiri yang memerlukan sampel calitan dalam hidung semakin mendapat sambutan kerana keputusannya lebih tepat," katanya pada Ahad.

Ahli farmasi lain, Yee Wei Pheng turut menghadapi masalah kekurangan stok kit ujian sendiri Covid-19 tersebut sejak kebelakangan ini.



Bekalan kit ujian sendiri Covid-19 jenis calitan air liur di farmasi didapati terhad sejak Tahun Baharu Cina.

Akuinya, pembelian bukan sahaja dibuat oleh orang ramai, tetapi kit tersebut turut dibeli syarikat-syarikat untuk diagihkan kepada pekerja.

"Ramai membeli, terutama syarikat mendepankannya untuk pekerja mereka. Namun kita jual pada harga pasaran kerana ia sudah cukup murah," katanya.

Dalam pada itu, orang ramai turut menghadapi masalah untuk mendapatkan kit ujian sendiri Covid-19 di pasaran disebabkan stoknya semakin terhad.

Pengguna, Desmond Kho Shee Ling, 50, berkata, dia terpaksa mencari kit ujian sendiri Covid-19 di kedai runcit kerana ketiadaan bekalan di farmasi.

Dia yang bekerja sebagai pegawai pemasaran berkata, kit tersebut dibeli dalam kuantiti yang banyak untuk para pekerjanya.

"Selepas Tahun Baharu Cina, susah nak dapatkannya di farmasi, jadi



DESMOND



GOPAL

saya terpaksa mencari di kedai runcit. "Saya perlu beli sekitar 50 hingga 100 kotak," katanya.

Seorang lagi pengguna, Gopal Nair, 47, turut menghadapi kesukaran mendapatkan kit ujian sendiri jenis sampel air liur sejak Jumaat lalu.

Ujarnya, kit ujian sendiri tersebut lebih selesa untuk digunakan berbanding jenis lain.

"Saya cuba cari (kit ujian sendiri) jenis air liur kerana ia lebih mudah dan selesa untuk digunakan berbanding jenis calitan dalam hidung," katanya.

Berhenti baca konspirasi sampah, dapatkan dos penggalak - Khairy

SHAH ALAM - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menggesa orang ramai supaya tidak mengendahkan sebarang konspirasi sampah mengenai dos penggalak dalam media sosial.



KHAIRY

Ahli Parlimen Rembau itu turut memuat naik graf yang menunjukkan bahawa kadar kematian lebih tinggi berlaku dalam kalangan yang belum mengambil vaksin berbanding mereka yang telah lengkap vaksinasi dan dos penggalak.

Menurutnya, graf itu menunjukkan keberkesanan dos penggalak dalam menghadapi gelombang Omicron.

"Booster (dos penggalak) memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius Covid-19.

"Berhenti membaca cerita konspirasi sampah di Facebook," katanya menerusi ciapan di Twitternya pada Ahad.

Beliau turut meminta agar orang ramai melindungi diri dengan mendapatkan dos penggalak.



Dos penggalak: Pakar saran guna kaedah pujukan

SHAH ALAM - Penguatkuasaan suntikan dos penggalak sebagai syarat lengkap vaksinasi bagi mengelak jangkitan Covid-19 amat tepat dilaksanakan, namun perlu secara berhati-hati.

Pakar Kesihatan Awam dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, asas utama yang perlu dilaksanakan adalah memberi kesedaran dan galakan supaya rakyat memahami pentingnya pengambilan dos penggalak untuk mengurangi risiko jangkitan dan pembawa virus Covid-19

kepada orang lain.

Menurutnya, langkah penguatkuasaan sesuatu undang-undang bukan proses yang mudah, sebaliknya memerlukan kajian yang teliti dan lebih penting ia tidak dilaksanakan dengan tergesa-gesa.

"Sebagai pakar perubahan, kita menyokong langkah itu (suntikan dos penggalak



SHARIFA EZAT

sebagai syarat lengkap vaksinasi) tetapi perlu bersikap realistik daripada pelbagai sudut antaranya mungkin berlaku isu pertikaian daripada rakyat sendiri.

"Dalam masa sama, ia akan menimbulkan rasa kurang senang rakyat kepada kerajaan.

Jadi fokus kita sekarang adalah pujuk, galak dan beri kesedaran

untuk mereka ambil dos penggalak," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Sabtu.

Beliau berkata demikian mengenai keperluan untuk KKM menguatkuasakan pengambilan dos penggalak sebagai syarat lengkap vaksinasi bagi mengelak situasi jangkitan Covid-19 lebih teruk.

Ia susulan Malaysia ketika ini mencatatkan trend peningkatan kes positif dan kemasukan unit rawatan rapi (ICU).

Sharifa Ezat berkata, antara galakan yang mungkin boleh

dipertimbangkan untuk dilaksanakan adalah kerajaan memberi insentif atau galakan kepada majikan untuk memberikan pelepasan pekerja mereka mendapatkan dos penggalak.

"Kita sedia maklum selepas mendapatkan dos penggalak, kebanyakan mereka mengalami kesan sampingan seperti demam dan sebagainya.

"Jadi, mungkin majikan boleh beri cuti sakit atau cuti separuh hari untuk hari berikutnya (selepas vaksin) untuk pekerja," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

'Jangan manipulasi keputusan RTK'

Pekerja tipu positif Covid-19 boleh diberhentikan kerja

Oleh MUHAMMAD YUSAINI MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Seorang pekerja yang didapati memanipulasi laporan dan mengatakan dirinya positif Covid-19 boleh dikenakan tindakan diberhentikan kerja jika didapati bersalah.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Kamarul Baharin Mansor berkata, majikan boleh mengenakan tindakan tersebut mengikut Akta Kerja 1955.

Menurutnya, walau bagaimanapun, hukuman tersebut perlu dijatuhkan selepas disiasat kebenaran daripada maklumat itu.

"Sekiranya pekerja itu mengambil kesempatan dan menipu dalam keputusan RTK (Kit Ujian Pantas Antigen), kita harap majikan boleh ambil tindakan."

"Adalah sangat tidak wajar untuk mereka (pekerja) menipu tetapi sebelum itu, perlu disiasat dahulu sama ada maklumat itu salah atau betul."

"Jika memang disahkan pekerja ambil kesempatan untuk cuti, maka boleh diambil tindakan. Tiada masalah untuk



Pekerja yang didapati memanipulasi keputusan RTK mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kerja 1955.

majikan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada 7 Februari lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, individu bergejala yang didapati positif selepas menggunakan RTK Antigen, tidak perlu melakukan ujian pengesahan Real-Time Reverse Transcription-Polymerase (RT-PCR).

Jelas beliau, individu tersebut seharusnya menganggap diri mereka positif Covid-19 walaupun tanpa pengesahan ujian RT-PCR dan menjalani kuarantin seperti yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Namun perkara itu dibimbangi boleh dimanipulasi pihak tertentu untuk mendapat



KAMARUL BAHARIN

cuti. Dalam pada itu, Kamarul Baharin berkata, mana-mana majikan yang ingin mengesahkan berlakunya perkara tersebut, mereka boleh menghantar pekerja terlibat untuk mendapatkan pengesahan daripada klinik panel syarikat masing-

masing. Tegasnya, ia adalah cara yang paling wajar bagi majikan untuk mendidik pekerja mereka.

"Majikan boleh keluarkan satu memo prosedur operasi standard sekiranya pekerja disahkan positif, apa yang mereka perlu buat. Saya rasa ini perkara baharu, sebagai contoh kalau dia demam, ambil RTK dan positif, untuk pengesahan lebih baik pergi ke klinik panel," ujarnya.

Majikan berhak arahkan pekerja jalani ujian RT-PCR

SHAH ALAM - Majikan mempunyai hak mengarahkan pekerja menjalani ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) di hospital atau klinik panel bagi mengesahkan mereka benar-benar dijangkiti virus Covid-19.

Pensyarah Kanan Jabatan Perhubungan Antarabangsa dan Pengajian Pengurusan dari Universiti Teknologi Mara, Dr Idaya Husna Mohd berkata, pekerja boleh berdepan tindakan salah laku sekiranya didapati sengaja melaporkan dirinya positif Covid-19 melalui ujian Antigen Rapid Test Kit (RTK Antigen) dalam aplikasi MySejahtera dengan tujuan mahu bercuti kerja.

"Mereka juga boleh dipecat sekiranya terbukti bersalah melalui siasatan dalaman yang dilakukan."

"Mengikut Seksyen 14 (1), Akta Kerja 1955, pekerja mesti diberikan siasatan yang sewajarnya sebelum apa-apa tindakan boleh diambil oleh majikan atas sebab salah laku."

"Ini juga melibatkan isu integriti pekerja dalam melaporkan kesahihan sesuatu perkara yang seterusnya melibatkan rangkaian pihak lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pernah memaklumkan individu bergejala yang didapati positif selepas menggunakan RTK-Ag-

tidak perlu melakukan ujian pengesahan RT-PCR.

Sebaliknya, keputusan itu boleh terus dilaporkan ke dalam MySejahtera namun situasi itu dikhuatiri boleh dimanipulasikan pekerja yang sengaja melaporkan dirinya positif Covid-19 dengan tujuan mahu bercuti kerja.

Idaya Husna berkata, secara amnya, mengikut Akta Kerja 1955, seseorang pekerja berhak mendapat cuti sakit selepas pemeriksaan dan cadangan oleh pengamal perubatan berdaftar yang dilantik oleh majikan atau mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang kebiasaannya ditanggung majikan.

Bagaimanapun, katanya, tidak beraloi untuk seseorang pekerja menipu keputusan

ujian RTK Antigen yang boleh mengakibatkan mereka berhadapan dengan tindakan salah laku dalam organisasi.

"Justeru, pekerja dinasihatkan berunding dengan majikan tentang pembahagian tugas dan masa tugas sekiranya berasa terkekan atau tugas yang terlalu banyak."

"Pekerja yang bertindak sedemikian (menipu) dipengaruhi pelbagai faktor."

"Oleh itu terdapat keperluan besar untuk menggubal dasar yang lebih strategik bagi meningkatkan keupayaan pekerja, di samping membantu majikan dan memudahkan pembangunan ekonomi negara," jelas beliau.



IDAYA HUSNA

KKM perlu senarai jenama RTK Antigen diluluskan

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disaran mengeluarkan senarai jenama Kit Ujian Pantas Antigen (RTK Antigen) Covid-19 yang diluluskan bagi mengelak penipuan keputusan positif Covid-19 dalam kalangan pekerja semata-mata untuk mendapatkan cuti kuarantin.

Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, jenama berkenaan perlu disenaraikan dalam aplikasi MySejahtera untuk rujukan orang ramai terutama pekerja dan majikan.

"Saya syorkan semua kit ujian pan-



DR HANAFIAH

tas yang diluluskan perlu ada kod respons pantas (QR) yang dipautkan terus ke aplikasi MySejahtera.

"Contohnya apabila keputusan positif, pengguna boleh imbas kod QR pada kit ujian pantas itu untuk memasukkan keputusan dan ia dapat mengelakkan berlaku penipuan sebegini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*

pada Ahad.

Sebelum ini, tular di Facebook rakaman video keputusan kit ujian pantas menunjukkan tanda positif apabila diuji menggunakan sampel air paip sekali gus membolehkan individu menipu keputusan saringan Covid-19.

Dr Hanafiah menjelaskan, sekiranya hanya kit ujian pantas yang diluluskan digunakan untuk pengesanan maka penipuan keputusan demi kepentingan diri itu dapat dicegah daripada berlaku.

Katanya, punca keputusan kit ujian pantas memaparkan keputusan positif Covid-19 dalam video tular sebelum ini

disebabkan kit tiada kelulusan KKM.

"Kit yang tak lulus KKM itu kalau kita lalukan air di atasnya akan tunjukkan keputusan positif. Sebab itu, KKM perlu keluarkan senarai nama RTK Antigen yang diluluskan atau dibenarkan sekali gus memastikan keputusan dimuat naik ke dalam MySejahtera tepat," ujarnya.

Beliau turut mengingatkan orang ramai agar tidak mengambil kesempatan kerana dalam peralihan negara ke fasa endemik, kejujuran dan tanggungjawab sosial rakyat sangat diperlukan.

"Hati-hati dengan karma. Kalau kita menipu konon kita positif Covid-19, tak mustahil perkara itu benar-benar berlaku nanti," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Covid-19: Ibu bapa patut risau kes meningkat

Oleh HAKIMI ISMAIL
hakimi.ismail@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Ibu bapa sepatutnya lebih takut kepada risiko anak-anak mereka dijangkiti Covid-19 berbanding kesan sampingan selepas diberi suntikan vaksin.

Secara logiknya risiko dijangkiti Covid-19 adalah jauh lebih teruk sehingga boleh menyebabkan masalah kesihatan yang berpanjangan selain kematian jika langkah perlindungan diabaikan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, mereka sepatutnya tidak mengambil risiko untuk anak-anak dijangkiti Covid-19.

Katanya, jalan terbaik adalah anak-anak diberikan suntikan vaksin seperti mana yang telah disarankan oleh kerajaan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids).

"Saya tidak faham kenapa masih ramai ibu bapa yang menolak untuk anak-anak diberikan suntikan vaksin, ini adalah untuk kebaikan mereka ketika Covid-19 kembali menular sekarang.

"Kena ingat, kesan dijangkiti Covid-19 itu jauh lebih teruk berbanding kesan sampingan vaksin. Jadi kenapa ambil risiko untuk anak-anak jika kita ada pilihan terbaik untuk mencegah," katanya ketika dihubungi semalam.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Rujuk doktor pakar jika bimbang anak divaksin

Oleh HAKIMI ISMAIL
hakimi.ismail@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyarankan ibu bapa merujuk pakar pediatrik atau doktor keluarga sebelum membuat keputusan membenarkan anak-anak mereka menerima suntikan vaksin Covid-19.

Presidennya, Dr. Koh Kar Chai berkata, pihaknya sedar kebimbangan terhadap reaksi buruk daripada vaksin Covid-19 sehingga mereka teragak-agak untuk membenarkan suntikan vaksin kepada golongan terbabit.

"Ketika ini, ramai ibu bapa juga bimbang tentang kluster dilaporkan dari institusi pendidikan dan ia memang wajar kerana terdapat laporan jangkitan Covid-19 yang teruk dalam kalangan kanak-kanak walaupun bilangan kes sedikit.

"Kepada ibu bapa ini, MMA menasihatkan mereka untuk bercakap sama ada dengan pakar pediatrik atau doktor keluarga mereka untuk mendapatkan maklumat yang sahih sebelum membuat keputusan untuk memberi vaksin kepada



SEBAHAGIAN kanak-kanak menunggu giliran untuk menerima vaksin Covid-19 menerusi PICKids di Hospital UCSI, Port Dickson, Negeri Sembilan, kelmarin. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

anak-anak," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Kar Chai, pihaknya juga menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa kerajaan tidak pernah memaksa suntikan vaksin Covid-19 ke atas kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun.

"Ia adalah satu keputusan yang patut dipuji yang telah diambil oleh kerajaan mengenai

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PIC-Kids)," katanya.

Sebelum ini, Ismail Sabri memaklumkan kerajaan tidak pernah memaksa ibu bapa untuk membenarkan anak mereka mengambil vaksin menerusi PICKids.

"Tiada paksaan dan ia terbuka kepada ibu bapa yang mahu anak mereka divaksin. Vaksin dos pertama pun dulu ramai

takut, namun lepas itu ramai berebut-rebut pula.

"Cuma vaksin untuk kanak-kanak ini benda baharu, jadi ia normal. Ini kerana terlalu banyak cerita bukan-bukan yang tular. Kita tidak salahkan rakyat. Walaupun KKM sudah beri jaminan, namun ramai ibu bapa yang bimbang. Tetapi difahamkan semakin ramai ibu bapa hantar anak-anak mereka untuk divaksin," kata Perdana Menteri.

Covid-19: Ibu bapa patut risau kes meningkat

Dari muka 1

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah yang mendedahkan sebanyak 50,826 kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dijangkiti Covid-19 sekali gus menyebabkan penggunaan katil harian pesakit bagi golongan itu, semakin meningkat seiring dengan kenaikan kes dalam negara.

Dr. Noor Hisham berkata, jumlah peningkatan jangkitan dalam kalangan kanak-kanak itu dapat dilihat bermula awal Januari sehingga semalam dengan majoritinya berada dalam kategori dua.

Katanya, peningkatan dilihat lebih ketara dalam bulan ini terutama bagi kategori dua hingga kategori lima.

"Bagi kategori satu, 15,817 kes (31.12 peratus); kategori

dua, 34,857 kes (68.58 peratus); kategori tiga, 120 kes (0.24 peratus); kategori empat, 28 kes (0.006 peratus) dan kategori lima, hanya empat kes (0.001 peratus).

"Peningkatan jangkitan mungkin disebabkan penularan varian Omicron serta peningkatan pergerakan kanak-kanak dalam komuniti susulan pembukaan semula sesi persekolahan, pusat jagaan kanak-kanak dan bayi, lalu menyebabkan risiko pendedahan kanak-kanak kepada jangkitan Covid-19," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, meskipun gejala jangkitan dalam kalangan kanak-kanak kebiasaannya kurang serius berbanding dewasa, namun, terdapat juga kes-kes yang memerlukan rawatan di hospital dan sebilangannya memerlukan

rawatan intensif di unit rawatan rapi (ICU).

Katanya, antara gejala yang sering dialami kanak-kanak yang dijangkiti adalah batuk dan selesema berterusan melebihi seminggu, bernafas laju, kurang aktif, kurang selera makan, demam yang berterusan, dan muntah atau cirit birit.

Mengulas lanjut, Dr. Sharifa Ezat berkata, rakyat negara ini juga perlu yakin dengan usaha yang dilakukan kerajaan dalam membendung Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak ketika ini.

"Jika tidak yakin dengan inisiatif kerajaan, cuba lihat di negara-negara luar seperti Singapura dan United Kingdom yang telah berjaya melakukan inisiatif yang sama dalam soal vaksin terhadap kanak-kanak," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan juga disarankan untuk tidak

lagi berlembut dan mewajibkan vaksin kepada semua rakyat negara ini memandangkan ada segelintir kumpulan yang suka mengambil kesempatan.

"Nampaknya kerajaan sudah kena wajibkan (vaksin), apabila berlembut ada yang ambil kesempatan. Namun, saya percaya kerajaan ada langkah-langkahnya yang tersendiri dalam mengendalikan perkara ini," katanya.

Sementara itu, Dr. Sharifa Ezat juga tidak menolak kemungkinan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat rendah akan kembali lumpuh sekiranya masih ramai kanak-kanak tidak diberikan vaksin.

"Apabila ramai yang tidak divaksin, saya rasa ibu bapa juga takut untuk hantar anak-anak mereka ke sekolah lebih-lebih lagi ketika ini ramai yang dijangkiti covid-19 tidak menunjukkan simptom," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY



A health worker administering a Covid-19 vaccine at the Tapak Pesta vaccination centre in Sungai Nibong yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

THE BIGGER PICTURE

'VACCINATION IS BEST DEFENCE FOR MY KID'

Mum of two had concerns about vaccine side effects, but decided to focus on the science

OLIVIA MIWIL
 AND TEOH PEI YING
 KOTA KINABALU
 news@nst.com.my

DESPITE being aware of the possibility of side effects, Naura Nasli was adamant that her daughter Giovanna Dybella Sim, 9, get the Covid-19 vaccine.

The mother of two was among the parents accompanying their children to a Covid-19 vaccination outreach programme in Buhavan Square here yesterday.

Naura said while she did have concerns after reading about illnesses or fatalities after vaccination, she felt it was best to focus on the science and the bigger picture.

"I believe that the best thing for my daughter is to get protection from the virus.

"After all, it wouldn't be safe if my daughter was the only one unvaccinated at her school when others have gotten their jabs," she said, adding that her 13-year-old son was also vaccinated.

On Saturday, the Health Ministry warned about the dangers of Multisystem Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) due to a Covid-19 infection.

MIS-C is a critical condition

where inflammation occurs in multiple organs, particularly the heart, lungs and brain. It has led to the deaths of seven children age 18 and under in Malaysia.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said they were among 174 children who developed MIS-C after contracting Covid-19 between June 2020 and December last year.

Of the total, 64 cases involved children aged 5 to 9, 38 involved 1 to 5-year-olds, 36 involved 9 to 12-year-olds, 25 involved kids under 1 and 11 involved kids above 12.

He said up to mid-February, 50,826 children under age 12 had tested positive for Covid-19.

Of the total, 34,857 were in Category 2, 15,817 in Category 1, 120 in Category 3, 28 in Category 4 and four in Category 5.

"Patients under age 12 admitted to hospitals have been on an upward trend, in line with the spike in Covid-19 cases in the country, particularly in February. The same trend was observed in children aged 11 to 17," he said yesterday.

He said this might be caused by the highly transmissible Omicron variant and the increased movement of children after schools and daycare centres reopened.

He said although Covid-19 symptoms in children were relatively mild, some patients still needed treatment at hospitals and intensive care units.

He said infected children could develop Long Covid and the best way to protect them was through self-control and vaccination.

Other measures to protect children, he said, include remaining

home except for important and necessary trips, complying with standard operating procedures (SOP), family members adhering to the SOP outside the home, not bringing the virus home and having family members quarantine at home according to the rules.

Malaysian Medical Association president Dr Koh Kar Chai advised parents to consult experts if they had doubts about the Covid-19 vaccination for children.

"Children aged 5 to 11 are the last cohort, excluding those under 5 that have yet to be vaccinated.

"Many parents are worried about clusters being reported in educational institutions and rightly so, as there are reports of Covid-19 infections among children, albeit in small numbers.

"We know parents are worried about adverse reactions from the Covid-19 vaccine and are hesitant to subject their children to the vaccine.

